

D.R. 4/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2023) 2024.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2023

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua puluh tiga bilion empat ratus tujuh puluh sembilan juta enam ratus enam puluh sembilan ribu tiga ratus lima puluh ringgit (RM23,479,669,350) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2023 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2023 [*Akta A1679*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	300,000,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	153,263,900
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	14,486,540,550
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	4,204,668,800
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	1,174,138,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	687,892,500
B. 43	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	56,910,550
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	32,000,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	410,530,750
B. 63	Kementerian Pendidikan	1,973,724,300
JUMLAH		<u>23,479,669,350</u>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak dua puluh tiga bilion empat ratus tujuh puluh sembilan juta enam ratus enam puluh sembilan ribu tiga ratus lima puluh ringgit (RM23,479,669,350) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2023.

[PN(U2)2206]